

Soalan 1 – 2

Lengkapkan ayat-ayat yang berikut dengan memilih jawapan yang paling sesuai.

- 1 Program perladangan kontrak diperkenalkan sebagai mekanisme untuk membantu _____ pertanian skala kecil dan sederhana.

A mengusahakan C pengusaha
B perusahaan D berusaha

- 2 Dasar pertanian sebagai perniagaan memberikan penekanan _____ pembangunan sumber pertanian domestik.

A pada C tentang
B kepada D terhadap

Soalan 3 – 4

Bahagian yang bergaris dalam ayat-ayat berikut mungkin mengandungi kesalahan penggunaan bahasa atau mungkin juga tidak.

Tandakan sama ada A, B atau C jika ayat itu mengandungi kesalahan dan tandakan D jika tiada kesalahan.

- 3 Kerjasama yang erat di antara institusi kewangan dengan peserta industri pertanian perlu diperhebat.

A antara institusi kewangan dengan peserta industri pertanian
B antara institusi kewangan dan peserta industri pertanian
C di antara institusi kewangan dan peserta industri pertanian
D di antara institusi kewangan dengan peserta industri pertanian

- 4 Sumber dana peserta industri pertanian perlu untuk mengaplikasikan teknologi moden dalam aktiviti pertanian.

A Sumber dana memerlukan peserta industri pertanian
B Sumber dana peserta industri pertanian memerlukan

C Sumber dana diperlukan oleh peserta industri pertanian

D Sumber dana peserta industri pertanian perlukan

Soalan 5

Ayat di bawah mungkin betul dan mungkin salah. Jika terdapat kesalahan, kesalahan itu telah ditandakan dengan A, B atau C dan jika tiada kesalahan telah ditandakan dengan D.

Pilih jawapan yang paling sesuai.

- 5 Amalan mengealkan kaedah pertanian A

tradisi menyebabkan hasil pertanian masih B

tidak mencukupi untuk memenuhi keperluan C

domestik. Tiada kesalahan. D

Soalan 6

Pilih ayat-ayat yang betul.

- 6 I Penternakan lembu kini mempunyai banyak cabang baharu dalam penghasilan produk nilai tambah daripada lembu.

II Semakin banyak orang mengusahakan ternakan ikan di dalam sangkar.

III Sektor akuakultur merupakan bidang yang penting kepada negara.

IV Lembu dipelihara untuk mendapatkan daging dengan susu.

A I dan II sahaja C I, II dan III sahaja

B III dan IV sahaja D II, III dan IV sahaja

**Ulasan
Jawapan PT3 2019**

Sistem Bahasa Bahagian A – Soalan 8 Jawapan pilihan yang paling sesuai ialah A : I dan II sahaja. Kata **bocor** dalam ayat I bermaksud terbuka rahsia, sudah diketahui orang. Kata **bocor** dalam ayat II bermaksud berlubang hingga air atau angin dapat tembus. Dalam ayat III dan ayat IV, kata **bocor** tidak sesuai digunakan.